

**Untuk Siaran Segera
30 Jun 2025**

**ASB 3 DIDIK ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN
5.25 SEN SEUNIT**

Prestasi Kukuh Menjana Pembayaran Sebanyak RM423 Juta, Manfaatkan Lebih 330,000 Pemegang Unit dengan Pulangan Kompetitif Melebihi Penanda Aras Pasaran

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025.
- ASB 3 Didik mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM423juta yang memanfaatkan 338,320 pemegang unit. Pulangan sebanyak 5.25 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 2.51% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 274 mata asas.

Kuala Lumpur, 30 Jun 2025: Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025.

ASB 3 Didik telah mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM423 juta, bersamaan 5.25 sen seunit kepada 338,320 pemegang unit yang kini memiliki sebanyak 8.12 bilion unit. Pengagihan pendapatan ASB 3 Didik ini menyumbang kepada jumlah pulangan sebanyak 5.25% mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sebanyak 2.51%, dengan kelebihan 274 mata asas. Sehingga 19 Jun 2025, ASB 3 Didik merekodkan pendapatan bersih yang direalisasi sebanyak RM539.10 juta.

Dana tersebut berjaya mengekalkan pembayaran dividen sebanyak 5.25 sen seperti tahun sebelumnya, walaupun berdepan dengan tempoh yang jauh lebih mencabar akibat persekitaran ekonomi global dan pasaran modal yang sangat tidak menentu, berpunca daripada perubahan ketara dalam dasar perdagangan Amerika Syarikat dan ketegangan geopolitik yang meningkat. Pencapaian ini mencerminkan komitmen PNB dalam menyokong matlamat kewangan jangka panjang pelabur Bumiputera melalui pengurusan yang berdisiplin dan proaktif.

Dana ini telah menjana sebahagian besar pendapatannya daripada keuntungan direalisasi dan pendapatan dividen melalui gabungan pelaburan ekuiti tempatan dan global. Menyedari kepentingan kestabilan pendapatan, kami juga telah mempelbagaikan pelaburan ke dalam Aset Pendapatan Tetap Global, bagi memastikan aliran pendapatan yang stabil dan boleh dipercayai untuk menyokong kestabilan kewangan pelabur, seiring dengan keperluan pelabur muda yang sedang meningkat dan pelabur setia kami.

Pencapaian ini mencerminkan pendekatan pelaburan berdisiplin PNB, yang disandarkan pada pengurusan portfolio yang kukuh, pengawasan risiko yang proaktif, dan penilaian prestasi yang berterusan. Keupayaan ASB 3 Didik untuk menjana pulangan mampan ditengah-tengah dinamik pasaran yang berubah mengukuhkan kedudukannya sebagai rakan pelaburan jangka panjang yang dipercayai dan kompetitif serta komited untuk memperkasa pelabur Bumiputera dalam usaha mengukuh kedudukan kewangan mereka.

Dana ini turut menawarkan peluang kepada para pelabur untuk memposisikan diri bagi mengambil manfaat daripada pemulihan pasaran dan peluang pertumbuhan pada masa hadapan, sekali gus membantu pelabur muda mencapai aspirasi kewangan mereka dengan keyakinan dan kestabilan, sambil melindungi pelaburan yang memenuhi keperluan pelabur setia (yang telah lama membuat pelaburan).

Komitmen berterusan untuk menyokong dan menghargai pelabur yang konsisten

Selaras dengan komitmen berterusan untuk memperkukuh literasi kewangan dan membantu rakyat Malaysia membina kekayaan jangka panjang, PNB dan ASNB telah melancarkan kempen 'Labur & Level Up', yang berlangsung dari 1 Jun 2025 hingga 31 Mac 2026. Kempen ini memberi ganjaran kepada pelabur yang konsisten dalam menambah simpanan dan mencapai matlamat kewangan mereka melalui aplikasi myASNB, dengan peluang untuk memenangi sebahagian daripada jumlah hadiah bernilai RM1.18 juta.

Untuk menyertai kempen ini, pelabur hanya perlu membuat pelaburan minimum sebanyak RM100, atau mendaftar perkhidmatan Auto Labur dengan pelaburan bulanan minimum RM50 bagi melayakkan diri untuk cabutan hadiah bulanan. Selain itu, pelabur juga boleh melengkapkan misi-misi tertentu untuk membuka lebih banyak peluang memenangi ganjaran menarik, termasuk hadiah bonus, hadiah suku tahunan, dan hadiah utama bernilai RM20,118. Untuk maklumat lanjut mengenai kempen Labur & Level-Up, orang ramai boleh melayari laman web rasmi di <https://asnb.my/LaburLevelUp> atau mengikuti laman media sosial rasmi ASNB.

Pengiraan pengagihan pendapatan dan penangguhan urus niaga

Pengiraan pengagihan pendapatan ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2025. Urus niaga bagi ASB 3 Didik di cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet, telah digantung sementara dari 27 hingga 30 Jun 2025 bagi tujuan pengiraan agihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyambung semula urus niaga melalui portal myASNB (www.myasnb.com.my), aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Julai 2025.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank and Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik)

Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) adalah dana harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2001 dengan objektif untuk memberi peluang pelaburan yang dapat menjana pulangan dan pertumbuhan jangka panjang yang berpatutan.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2025
Dana Harga Tetap



ASB 3 Didik



Jumlah Pengagihan

5.25
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.